

18/11/1997

Britian mahu aktif dalam MSC

KUALA LUMPUR, Isnin - Banyak syarikat Britain berminat membabitkan diri secara aktif dalam pelbagai kegiatan teknologi maklumat (IT) di Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi konsep perkongsian pintar dengan syarikat tempatan.

Naib Canselor Universiti Cambridge, Prof Alec Broers, berkata walaupun bentuk perkongsian di antara syarikat kedua-dua negara sudah ada, ia masih boleh dipertingkatkan kerana MSC banyak menawarkan peluang dalam pelbagai bidang IT, bukan saja terbatas kepada tujuh aplikasi perdananya.

"Syarikat Britain yang mempunyai pelbagai kepakaran IT dan multimedia akan memanfaatkan kelebihan itu untuk berganding bahu dengan syarikat tempatan membangunkan produk IT bagi pasaran serantau," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Prof Broers mengetuai misi lawatan lima hari 54 ahli korporat daripada 44 syarikat terkemuka IT Britain ke Malaysia bermula hari ini sehingga 21 November.

Lawatan itu bertujuan meninjau lebih lanjut pembangunan MSC dan peluang serta bentuk kerjasama yang boleh diadakan dengan syarikat tempatan.

Ia adalah susulan kepada promosi MSC oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Britian baru-baru ini.

Ketika lawatannya ke Britain, Dr Mahathir berjaya menyuntik minat baru di kalangan syarikat IT Britain untuk mengadakan bentuk pelaburan baru dan peluang perkongsian pintar dengan syarikat tempatan.

Sempena lawatan ahli perniagaan terbabit, Jabatan Perdagangan dan Industri Britain melalui kerjasama Mimos Bhd akan mengadakan Seminar dan Pameran bertajuk Mikroelektronik di Britian di Taman Teknologi Malaysia, 19 November ini.

Syarikat Britain mempunyai kepakaran dalam pembangunan produk mikro elektronik, pembangunan perisian bagi sekolah bestari, mereka bentuk tapak Web dan universiti terbuka menerusi konsep pembelajaran jarak jauh.

Setakat ini, tujuh syarikat Britain sudah memperolehi status MSC. Ia termasuk Unico Communication, IBS Asia-Pasifik dan British Telecom Systems.

Prof Broers berkata, beliau yakin misi lawatan kumpulan ahli perniagaan Britain itu mampu mengeratkan perhubungan syarikat kedua-dua negara.

"Ahli perniagaan yang mewakili 44 syarikat IT Britain ini dipelawa membantu negara ini untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan multimedia, IT dan mikroelektronik di Asia Tenggara.

"Ia juga turut membabitkan inisiatif memperkukuh asas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi sesuai dan menjadi pemangkin pemindahan teknologi di kalangan pengamal IT terkemuka dari Britain ke negara ini," katanya.

(END)